

# Najib: Tiada unsur turun pangkat

UM 11.12.99

**K**UALA LUMPUR 10 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau tidak mengangap pertukaran portfolionya sebagai Menteri Pertahanan sekarang mempunyai unsur 'penurunan pangkat.'

Malah, bekas Menteri Pendidikan itu menyangkal dakwaan kononnya kemerosotan majoriti undi yang diperolehnya dalam pilihan raya umum lalu mempunyai kaitan rapat dengan kedudukan barunya dalam barisan kabinet yang diumumkan hari ini.

## Peralihan

"Saya tidak melihat sedemikian (unsur penurunan pangkat) sebab Kementerian Pertahanan ini merupakan kementerian yang penting dan pernah (menterinya) disandang oleh Perdana Menteri.

"(Peralihan portfolio saya) itu pertimbangan yang dibuat oleh Perdana Menteri. Kita tidak seharusnya menentukan atau membuat spekulasi tentang kriterianya," katanya ketika ditemui pemberita di kediamannya di sini hari ini.

Dalam senarai baru kabinet yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang ini, portfolio Najib, 46, beralih dari Menteri Pendidikan ke Menteri Pertahanan.

Peralihan itu bagaimanapun ibarat 'sirih pu-

lang ke gagang' kerana Najib pernah menerajui kementerian yang sama dari 1990 hingga April 1995 sebelum berpindah ke Kementerian Pendidikan.

Jawatan Menteri Pendidikan sering dikaitkan dengan status penyangganya, yang kebanyakan sebelum ini merupakan pemimpin-pemimpin kanan UMNO. Najib adalah Naib Presiden parti.

Menurut Najib, beliau akan menjalankan tugas dengan penuh semangat di tempat baru seperti mana yang dilakukan selama empat tahun setengah, membawa perubahan di Kementerian Pendidikan.

"Saya tahu Kementerian Pertahanan ini penting dan mempunyai peranan utama dalam konteks bukan sahaja meliputi keselamatan negara tetapi juga menentukan sikap angkatan tentera terus profesional dan setia kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Menurut Najib, beliau akan mengadakan perbincangan dengan pegawai atasan di Kementerian Pertahanan dan menemui Perdana Menteri bagi mendapat panduan, sebelum menyusun keutamaan objektif jangka pendek dan sederhana yang perlu dicapai.

Ditanya pandangannya mengenai jawatan Menteri Pendidikan yang buat pertama kalinya disandang oleh individu

yang bukan dari kalangan orang politik, Najib berkata:

"Itu sukar saya nak nyatakan sebab itu adalah hak budi bicara Perdana Menteri. Bagaimanapun saya percaya Perdana Menteri telah membuat penilaian mendalam dan saya yakin dia (Tan Sri Musa Mohamad) boleh menjalankan tugas dengan jayanya."

Musa, 53, merupakan bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) dari 1982 hingga 1995.

## Objektif

Najib berharap Musa dapat meneruskan kesinambungan mencorakan generasi muda memandang kerajaan mempunyai pelbagai objektif melahirkan lulusan untuk keperluan pembangunan negara mencapai status negara maju 2020.

Mengenai ketiadaan pengisian jawatan menteri dan timbalan menteri dari Kelantan dan Terengganu, Najib berkata:

"Kita percaya Perdana Menteri ada sesuatu perancangan dan perkembangan selanjutnya, kita akan tunggu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

"Di situ Perdana Menteri akan melahirkan pandangan apa yang akan dilakukan untuk memulihkan UMNO di Kelantan dan Terengganu."